

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**

**TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK
BERNAM]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bilangan peniaga dan
penjaja berdaftar seluruh negara dan apakah rancangan jangka panjang
dan inisiatif strategik Kementerian bagi membangunkan peniaga dan
penjaja kecil.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan pendaftaran perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi penjaja dan peniaga kecil di Sabah dan Sarawak, terdapat sejumlah 1,076,782 orang penjaja dan peniaga kecil di seluruh negara.

Pada tahun 2015, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sedang dalam usaha membangunkan Sistem Pangkalan Data Penjaja dan Peniaga Kecil bertujuan untuk mengenalpasti jumlah penjaja dan peniaga kecil yang menjalankan aktiviti perniagaan di Negara ini. Tindakan ini juga bertujuan untuk memastikan semua penjaja dan peniaga kecil ini mendaftarkan perniagaan mereka dan memperoleh faedah-faedah pendaftaran seperti dilindungi di bawah Pelan Insurans 1Malaysia Penjaja dan Peniaga Kecil Nasional (P1MPIN) serta pembiayaan Mikro Penjaja dan Peniaga Kecil (MPPK).

Di samping itu, sistem pangkalan ini juga merupakan salah satu inisiatif strategik dalam pembangunan penjaja dan peniaga kecil yang dilaksanakan oleh Kementerian. Selain daripada sistem pangkalan data, pada tahun 2015 Kementerian akan melaksanakan sebanyak 7 lagi inisiatif strategik. Inisiatif-inisiatif tersebut adalah seperti berikut :

- i) Mewujudkan Bahagian Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil di Kementerian yang akan mengawalselia hal ehwal penjaja dan peniaga kecil di Negara ini;

- ii) Mewujudkan kerjasama strategik dengan Akademi Perbadanan Nasional Berhad (PNS) untuk melaksanakan program-program latihan penjaja dan peniaga kecil;
- iii) Memperbanyakkan *engagement/* kerjasama dengan pihak penjaja dan peniaga kecil dalam melaksanakan program-program penjaja dan peniaga kecil;
- iv) Menambahbaik skim insurans penjaja dan peniaga kecil melalui penambahbaikan manfaat Pelan Insurans 1Malaysia Penjaja dan Peniaga Kecil Nasional (P1MPIN);
- v) Transformasi kaedah perniagaan melalui pelaksanaan Program 1Malaysia Mobile Hawkers (1MMH) secara *pilot project* di Putrajaya;
- vi) Mengadakan kerjasama strategik dengan pihak *hypermarket* dalam pemasaran produk penjaja dan peniaga kecil yang bersesuaian; dan
- vii) Memberi peluang pemasaran produk yang bersesuaian di Kedai Rakyat 1Malaysia (KRIM) dan Kedai COOP di bawah Kementerian.